



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**ADAB GURU DAN PELAJAR DALAM PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN KETIKA  
PANDEMIK COVID-19**

*ADAB OF TEACHER AND STUDENTS IN ONLINE'S STUDYING AND  
LEARNING DURING PANDEMIC COVID-19*

Muhammad Hasbi Abdul Rahman<sup>1\*</sup>, Mazdi Marzuki<sup>2\*</sup>, Norshahrul Marzuki Mohd Nor<sup>3\*</sup>, Khairul Ghufran Kaspin<sup>4</sup>, Mohamad Basri Jamal<sup>5</sup>, Irma Wani Othman<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: muhar@fsk.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: ghufran@fsk.upsi.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: basri.jamal@fsk.upsi.edu.my

<sup>6</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: irma@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

**Abstrak:**

Sudah hampir 2 tahun sejak pandemik Covid-19 mengejutkan dunia. Pandemik ini telah menular di seluruh dunia dalam banyak sektor termasuk pendidikan. Malaysia adalah salah satu negara yang sangat terkesan dengan wabak ini, dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai salah satu pendidikan tinggi terkemuka telah berjuang untuk mengekalkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sepanjang masa. Untuk meneruskan proses pembelajarannya, para pendidik dan pelajar telah berusaha sebaik mungkin untuk meneruskannya walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Selain menggunakan aplikasi dalam talian sendiri yang dikenali sebagai Myguru,

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

**To cite this document:**

Rahman, M. H. A., Marzuki, M., Mohd Nor, N. M., Kaspin, K. G., Jamal, M. B., & Othman, I. W. (2021). Adab Guru Dan Pelajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Dalam Talian Ketika Pandemik Covid-19. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* 6 (39), 223-234.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.6390015

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



beberapa kaedah juga digunakan oleh pensyarah dan pelajar termasuk media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Google Meet, Zoom dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, kadang-kadang teknologi pintar dan tinggi tidak dapat menyediakan semua yang diperlukan oleh mereka terutama dari segi sentuhan manusia atau kemahiran dan kemahiran insaniah. Oleh itu, makalah ini menerangkan Adab yang diamalkan oleh ahli akademik dan pelajar dalam kursus terpilih (HIA 3033 & HID 3033) semasa menggunakan proses pembelajaran dalam talian semasa wabak ini berlaku. Kajian ini menganalisis Adab pensyarah dan pelajar dari awal hingga pertengahan semester, cara komunikasi, sikap pra dan pasca PdP, ketepatan masa dan perhatian. Kajian ini sangat penting kerana di penghujungnya, bukan akademik semata-mata akan menjadi fokus utama, tetapi moral dan Adab juga akan tercapai. Kemudian, proses belajar tanpa mengabaikan akademik, kemahiran dan sikap akan dapat direalisasikan dalam menghasilkan modal insan bijaksana pada masa akan datang.

**Kata Kunci:**

Adab, Pendidikan Teknologi, Media Sosial

**Abstract:**

It's has been almost 2 years since pandemic Covid-19 has shocked the world. The pandemic has affected all over the world in many sectors including education. Malaysia is one of the countries that also hugely affected by the pandemic, and Sultan Idris Education University (UPSI) as one of the leading tertiary education has struggled to maintain its studying and learning process throughout the time. In order to continue its learning process, the educators and students have tried their best to proceed although facing challenges. Apart from using its own online application known as Myguru, several methods have also been applied by lecturers and students including social media mediums like Facebook, WhatsApp, Google Meet, Zoom, and many more. However, sometimes smart and high technologies could not meet all that people demand especially in terms of human touch or soft skills and manner. This paper hence explores the Islamic manner (Adab) been practiced and observed both by academicians and students in selected courses (HIA 3033& HID 3033) while using the online learning process during a pandemic. This study will analyze the Islamic manner (Adab) of lecturer and students from early up to midst semester, their ways of communication, attitude, pre and post classes, punctuality, and attention. This study very essential because towards the end, not academic solely would be the main focus, but morally and Adab sound also would be achieved. Then, the process of learning without neglecting academics, skills, and attitudes would be realized in producing smart human capital in the future.

**Keywords:**

Adab, Education Technology, Social Media

## Pengenalan

Pendidikan merupakan perkara asas dalam kehidupan manusia. Pendidikan menurut Khursid Ahmad adalah satu latihan aqliyah (akal), jasmaniah dan rohaniah bagi melahirkan manusia yang berkebudayaan tinggi yang sanggup melaksanakan tanggungjawab sebagai insan yang

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

baik dan warganegara yang berguna ([https://www.academia.edu/33223439/DEFINISI\\_PENDIDIKAN](https://www.academia.edu/33223439/DEFINISI_PENDIDIKAN)). Semenjak 2019, seluruh dunia dikejutkan dengan pandemik wabak covid-19 yang menjelaskan banyak negara dan kehidupan manusia. Walaubagaimanapun, pandemik bukanlah penghalang kepada semua aktiviti dan perkara yang ingin dijalankan oleh manusia. Walaupun terdapat halangan dalam melaksanakan beberapa program, namun ia tidak boleh menjadi alasan untuk menghentikan segala aktiviti sosial mahupun urusan penting kehidupan. Pendidikan menjadi salah satu cabang aktiviti yang tidak boleh terhenti kerana ia menjadi asas kepada keperluan manusia. Kebimbangan ini disuarakan sendiri oleh seorang pakar psikologi di Pusat Pembelajaran Berterusan Universiti Malaya (UMCCed) iaitu Datin Prof. Mariani Md. Nor yang menyatakan ramai kanak-kanak pada tahun 2021 yang baharu mula ingin bersekolah akan menghadapi masalah asas pembelajaran akibat kesan pandemik ini (<https://my.theasianparent.com/tahun-2021>). Bahkan menurut Rohaida (2014), pendidikan di peringkat global dianggap sebagai satu hak asasi bagi setiap manusia dan semua pihak berhak mendapat pendidikan yang sewajarnya. Namun, di sebalik keghairahan semua pihak untuk mendapatkan hak pendidikan dan segala kreativiti serta proses tersebut, kadang kala aspek lain terpinggir. Contohnya perkara berkaitan adab dan moral pendidik dan pelajar itu sendiri. Asmawati (2007) menyatakan bahawa ‘pendidikan’ tidak boleh dipisahkan daripada nilai akhlak dan moral. Keadaan ini menggambarkan betapa aspek adab dan moral tidak boleh dikesampingkan dalam pendidikan masa kini. Adab menurut ‘Umar (2008) adalah sejumlah pengetahuan kemanusiaan yang dikhususkan untuk pembentukan perkembangan kebiasaan diri dan kebiasaan sifat yang lahir dan terbit secara rapat dengan sejarah, budaya setempat, ilmu bahasa dan falsafah, serta lain-lain ilmu yang berkaitan dengan kemasyarakatan. Justeru, dalam apapun medan atau kaedah serta proses keilmuan yang dijalankan oleh manusia, aspek adab dan moral tidak boleh dipisahkan sama sekali.

### **Pengertian dan Jenis Media Sosial**

Pada masa kini, penggunaan media sosial telah menjadi satu elemen yang penting dalam kehidupan manusia khususnya sejak dasawarsa ini. Media sosial juga amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat universiti. Apa itu media sosial ? Media sosial ialah media dalam talian atau media yang menyokong interaksi sosial antara manusia. Media sosial didefinisikan sebagai sebuah kelompok aplikasi yang menggunakan internet berlandaskan dasar teknologi dan teknologi web 2.0 (Kaplan & Haenlein 2010). Ia merupakan sejenis alat atau saluran komunikasi dalam talian yang membolehkan dan memudahkan pengguna untuk berinteraksi tanpa dihalang oleh ruang masa, jarak dan sempadan ruang bagi mereka berkongsi maklumat. Setiap individu yang menggunakan media sosial boleh menggunakan multi gabungan multimedia yang terdiri daripada elemen teks, gambar, video dan audio. Terdapat pelbagai media sosial pada masa kini yang boleh digunakan oleh pensyarah dan pelajar seperti Facebook, Tweeter, Snapchat, WhatsApp, Viber, WeChat, Bee Talk, Skype, Telegram, Flickr, YouTube, Instagram, Smule, Blogspot, WordPress dan Scribd (Rajah 1). Malahan dengan kepantasan teknologi maklumat dan komunikasi yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat gergasi ICT, kemungkinan besar akan banyak lagi kemunculan media sosial yang baharu.



**Rajah 1: Jenis-jenis Media Sosial**

### **Kepentingan Media Sosial dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Online Semasa Pandemik Covid-19**

Wabak pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada akhir tahun 2019 telah menyebabkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di peringkat pra sekolah sehingga di institut pengajian tinggi terganggu dan terkesan. Proses PdP secara bersemuka tidak lagi digalakkan untuk dilakukan kecuali pada kes-kes tertentu. Hampir keseluruhan proses PdP telah dijalankan secara dalam talian atau online menggunakan media sosial. Keperluan penggunaan media sosial dalam PdP online semasa pandemik Covid-19 dipengaruhi oleh pelbagai faktor.

#### ***Mewujudkan Persekutuan yang Selamat dan Selesa***

Pembelajaran secara online adalah solusi yang diperlukan oleh tenaga pengajar dan mahasiswa bagi memastikan penyebaran pandemik Covid-19 tidak merebak. Pembelajaran ini adalah proses PdP yang selamat untuk mahasiswa ketika pandemik Covid-19 sedang hebat membadi kehidupan manusia. Covid-19 adalah wabak penyakit yang bersifat global yang dapat mengancam kesihatan dan boleh menyebabkan kematian yang cukup tinggi. Pada masa kini walaupun sudah terdapat vaksin kepada virus ini namun tidak semua penduduk telah diberi vaksin. Oleh itu keterdedahan pelajar masih lagi tinggi kepada penyakit ini. Hal ini menyebabkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak membenarkan kuliah secara bersemuka bagi mencegah penularan Covid-19 secara lebih luas. Pada 18 Mei 2021, data di Malaysia menunjukkan kadar kematian daripada koronavirus ini telah mencapai 1,947 kes kematian. Dari sudut pandang pendidikan, bagi mendepani gelombang pandemik virus ini seiring norma baharu, landskap pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di universiti turut mengalami perubahan. Kaedah pembelajaran dalam talian dianggap pilihan terbaik dalam mengambil tempat pelaksanaan PdPc sebelum ini yang dilaksanakan secara konvensional (Nor Musfirah, 2021). Walaupun dilakukan secara online, tetapi pensyarah masih kekal dapat berinteraksi dan berhubung dengan mahasiswa walaupun jarak lokasi antara satu lokasi adalah jauh melalui interaksi dalam talian (Norliza, 2017).

#### ***Proses Pembelajaran dan Pengajaran Berterusan***

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia telah menjelaskan pelbagai sektor seperti sektor ekonomi, pelancongan, pengangkutan, pertanian, dan juga sektor pendidikan. Sebelum pandemik Covid-19 melanda dunia, proses pedagogi dijalankan secara konvensional iaitu kaedah bersemuka antara pensyarah atau guru dengan pelajar di sekolah atau institut pengajian tinggi. Pedagogi melibatkan interaksi kuliah, tutorial, amali dan projek. Kuliah diadakan pada

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions** setiap minggu mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Bagi pelajar jurusan teknikal, kerja amali di bengkel atau makmal atau kerja lapangan bagi memperoleh kemahiran yang berkaitan jurusan turut dilakukan (Zawiah, 2020). Apabila pandemik Covid-19 berlaku proses PdP secara bersemuka tidak dapat dilakukan kerana ini boleh mendedahkan tenaga pengajar dan pelajar kepada virus ini.

Sehubungan itu, pada masa kini proses PdP dilaksanakan dengan pendekatan baharu iaitu secara dalam talian supaya proses PdP berjalan secara berterusan bagi memenuhi keperluan pendidikan. Mahasiswa menggunakan pelbagai media sosial seperti smartphone, PC dan internet bagi menjalankan proses pembelajaran dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi. Teknologi komunikasi ini membolehkan survival proses pendidikan. Pembelajaran secara dalam talian ini sebenarnya telah lama wujud dalam sistem pendidikan tetapi tidak menjadi hal yang penting. Pembelajaran dalam talian ini bertukar peranan menjadi sangat penting disebabkan pandemik Covid-19 memberi kesan kepada semua aspek di peringkat lokal atau global. Pembelajaran dalam talian ini menjadi kaedah pembelajaran alternatif yang menggantikan kaedah konvensional. Kuliah secara dalam talian semasa pandemik Covid-19 ini membolehkan proses PdP diteruskan tanpa ada masalah. Ia menjadi solusi terbaik yang boleh ditawarkan dengan pelajar boleh belajar di lokasi kediaman masing-masing sama ada di kolej kediaman atau rumah secara pembelajaran jarak jauh. Kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat dalam sistem pembelajaran juga dapat memudahkan mahasiswa berkomunikasi dengan pensyarah (Ahmad Jaenal & Dasrun 2020). Ringkasnya, penggunaan PdP secara online ini membolehkan PdP dijalankan seperti biasa walaupun mempunyai cabaran-cabaran tertentu.

### ***Fleksibiliti Pengajaran dan Pembelajaran***

Indikator utama kepada PdP secara *online* atau dalam talian ialah memudah dan memberi fleksibiliti kepada pengajar dan pelajar. Pensyarah dan pelajar tidak perlu memikirkan tentang lokasi dan masa bagi melaksanakan PdP secara dalam talian. Kedua-dua pihak tidak memerlukan tempat yang khusus untuk belajar. Mereka boleh mengajar dan belajar di mananya. Namun begitu sebaik jika mereka mempunyai sebuah ruang khusus atau sedikit ruang kecil seperti bilik belajar lebih afdal kerana ini akan mengurangkan gangguan daripada individu lain. Melalui kelas secara dalam talian, ini pensyarah dan pelajar juga tidak lagi membuang masa untuk pergi ke bilik kuliah kerana di sesetengah kawasan, pensyarah dan pelajar terpaksa berhadapan dengan situasi kesesakan lalu lintas. Situasi ini juga telah menjimatkan kos pengangkutan pelajar untuk ke kampus kerana sebelumnya, kebanyakan pelajar menghabiskan wang untuk membayar tambang bas untuk pergi ke universiti. Dalam situasi lain, wang untuk makan juga boleh dijimatkan kerana terdapat pelajar yang tinggal bersama keluarga. Pelajar turut boleh melakukan diskusi bersama rakan-rakan bagi membincangkan tentang tugas walaupun mereka terpisah beratus-ratus kilometer.

### ***Adab Pensyarah dan Pelajar di dalam Kelas Online Semasa Pandemik Covid-19***

Menurut Nur Farah Syahirah & Abdul Muhsien (2021), dalam satu kajian yang dijalankan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke atas 1,742 orang guru pada bulan November 2020, dapatan menunjukkan sejumlah 80 peratus guru berhadapan dengan kesukaran untuk memastikan keberadaan murid sepanjang sesi kelas dalam talian dijalankan. Fakta ini menggambarkan keadaan dan permasalahan sebenar yang dihadapi oleh para pendidik dan pelajar itu sendiri dalam proses PdP dalam talian semasa musim pandemik. Jika kajian

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions** tersebut merujuk kepada permasalahan yang berlaku di sekolah, di peringkat menengah dan pengajian tinggi juga tidak terkecuali dengan masalah yang sama. Cuma keadaan, tahap dan suasana yang sedikit berbeza kerana semua pihak dilihat masih baru dengan norma ini.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sudah menggunakan kaedah PdP secara dalam talian hampir 4 semester atau 2 tahun semenjak pandemik Covid-19 melanda dunia dan negara. Walau bagaimanapun penggunaan sepenuhnya berlangsung hampir 3 semester kerana di peringkat permulaan masih terdapat beberapa kuliah yang dijalankan secara bersemuka. Menariknya, UPSI telah membangunkan aplikasinya yang tersendiri yang dinamakan sebagai MyGuru dalam membantu pembelajaran secara dalam talian beberapa tahun sebelum Covid-19 melanda. Keadaan ini sedikit sebanyak membantu pensyarah dan pelajar sendiri dalam menghadapi situasi pandemik selain penggunaan alternatif aplikasi lain seperti Zoom, Google Meet, WhatsApp dan lain-lain. Melalui MyGuru, pensyarah dan pelajar bukan sahaja boleh berkomunikasi dalam kuliah secara dalam talian yang dihubungkan dengan aplikasi Google Meet, bahkan perkongsian nota, makluman serta penghantaran tugas juga disediakan selain kemudahan-kemudahan lain yang membantu kedua-dua pihak.

Menjalankan PdP secara dalam talian yang melibatkan kepelbagaiannya latar belakang pelajar, kuantiti yang ramai selain kemudahan yang tidak dijangka merupakan bukan suatu perkara yang mudah. Bagi memastikan keberkesanan PdP dapat dicapai, pada masa yang sama pengkaji mengambil secara serius pengamalan dan penghayatan adab yang baik dalam kalangan pensyarah dan pelajar sepanjang tempoh PdP berlangsung secara dalam talian ini. Pemerhatian yang diberi tumpuan oleh penyelidik dalam artikel ini adalah terhadap pengendalian dua kursus iaitu HIA 3033 dan HID 3033 yang dijalankan melalui 3 platform iaitu aplikasi MyGuru, Google Meet, WhatsApp dan emel. Pengkaji menggariskan permasalahan adab antara pensyarah dan pelajar dalam PdP secara dalam talian bagi dua kursus ini semasa pandemik kepada beberapa kategori penting iaitu komunikasi, penjagaan waktu dan tumpuan/perhatian. Ini adalah kerana ketiga tiga aspek ini menjadi penilaian utama kepada penjagaan adab ketika proses PdP dalam talian berlangsung.

### **Komunikasi**

Antara adab yang perlu dijaga antara pensyarah dan pelajar adalah dalam aspek komunikasi. Pembelajaran dan pengajaran dalam talian semasa tempoh pandemik benar-benar menguji ketabahan kedua-dua pihak dalam berkomunikasi. Dalam pemantauan pengkaji terhadap kedua-dua kursus yang melibatkan dua kursus iaitu Perbandingan Agama (HIA 3033) dan Pemikiran Islam Semasa (HID 3033), komunikasi antara kedua-dua pihak dinilai dari beberapa aspek. Antaranya melalui kaedah lisan dan tulisan serta bahasa badan atau riak muka. Adab yang biasa digunakan oleh kedua-dua pihak ketika memulakan bicara atau sapaan adalah biasanya dengan ucapan salam. Namun kadangkala bagi golongan generasi Y dan pengaruh masa kini, kadangkala panggilan salam itu menjadi ringkas seperti ‘Salam’, ‘Assalam’ atau ‘Slm’ sahaja. Ini biasa digunakan oleh kedua-dua pihak sama ada pensyarah atau pelajar, namun untuk lebih beradab lafaz ‘Assalamualaikum’ dengan penggunaan lafaz penuh adalah yang terbaik terutama bagi pelajar. Pemerhatian pengkaji mendapati majoriti pelajar masih menggunakan perkataan singkatan kepada lafaz salam itu.

Begitu juga dengan sapaan seperti ‘maaf mengganggu’, ‘maafkan saya’, ‘tuan’, ‘awak’, ‘encik’, ‘ustaz’, ‘prof’, ‘dr’, ‘apa khabar’ dan sebagainya juga menggambarkan adab dalam

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions** memulakan bicara. Hasil daripada pemerhatian mendapati masih ramai pelajar mengabaikan perkara kecil ini terutama kepada pensyarah atau guru. Sebagai contoh masih terdapat segelintir pelajar yang gagal mengenali status pensyarah sama ada bujang, berkahwin, Dr. Professor dan sebagainya. Ini berlaku disebabkan sama ada pensyarah tersebut gagal untuk memperkenalkan dirinya semasa di awal kuliah atau pelajar itu sendiri lemah atau mempunyai sikap sambil lewa perkara ini. Walaupun memang terdapat pensyarah yang tidak kisah tentang gelaran ini, namun perkara asas ini penting kerana ia menggambarkan keprihatinan seseorang terhadap orang lain. Begitu juga ucapan meminta izin atau meminta maaf untuk memulakan bicara yang amat kurang diamalkan oleh pelajar. Ia wajar dititikberat oleh pelajar bagi menunjukkan sikap hormat dan menggambarkan adab yang sopan. Pemilihan waktu komunikasi juga penting dalam menerapkan adab dalam PdP ini. Contohnya berhubung dengan pensyarah atau pelajar pada waktu yang tidak sesuai seperti lewat malam, awal pagi atau waktu-waktu yang kurang wajar. Walaupun ada segelintir kecil yang mengamalkan perkara ini, namun ianya lebih baik dielakkan bagi menjaga hubungan dengan pensyarah dan pelajar. Namun jika ianya sesuatu yang bersifat kecemasan atau segera maka ianya boleh dimaafkan (Nur Khamsiah, 2021).

### ***Penjagaan Masa***

Pengkaji lebih cenderung memilih perkataan penjagaan berbanding ketepatan masa kerana dalam proses PdP secara talian ini, semua pihak tidak menjangkakan sebarang masalah yang berlaku semasa PdP berlangsung. Masalah seperti talian rosak, penerimaan signal, data, kerosakan teknikal pada talian atau gajet dan sebagainya kadang kala menjadi halangan kepada kelancaran proses PdP dalam talian. Namun semua itu tidak boleh dijadikan sebagai alasan oleh kedua-dua pihak untuk tidak menjaga waktu dengan baik. Sekiranya sudah termaktub di dalam sistem atau jadual waktu kuliah pada waktu tertentu, maka menjadi tanggungjawab semua pihak untuk mematuhi dan mengikutinya. Daripada aspek pensyarah, kadang kala pensyarah itu sendiri yang menimbulkan masalah seperti memulakan kuliah lewat dari masa yang ditetapkan sedangkan pelajar sudah menunggu dan bersedia sebelum kuliah bermula. Ia juga boleh berlaku jika pensyarah dengan sengaja mengubah waktu asal PdP kepada waktu lain sedangkan pelajar sudah pun mempunyai komitmen lain pada waktu tersebut. Menjadi satu kewajipan dan adab pensyarah untuk berbincang lebih awal dahulu bersama pelajar bagi mendapat persetujuan semua pihak sebelum sebarang pertukaran di lakukan terutama di saat akhir. Ini bagi mengelakkan sebarang kekeruhan perhubungan dan proses PdP antara kedua-dua pihak.

Bagi pelajar pula, penjagaan waktu ini penting kerana melambangkan adab mereka terhadap ilmu dan pensyarah. Hasil pemerhatian terhadap 2 kursus ini, mendapati hanya segelintir kecil yang amat menitikberatkan penjagaan masa sebelum, semasa dan selepas PdP berlangsung. Ini dapat di lihat dalam beberapa minggu proses PdP berlangsung dan proses penghantaran atau melengkapkan tugas. Masih ramai mahasiswa dalam kedua-dua kursus ini tidak menjaga masa dengan baik sama ada dalam proses PdP atau penghantaran tugas. Ramai yang memilih untuk membuat tugas di saat akhir dan akhirnya memberi kesan kepada semua pihak. Pada masa yang sama, pihak pensyarah perlu prihatin akan beberapa faktor masalah ini berlaku. Adakah sememangnya ia adalah kecuaian dan kegagalan pelajar itu atau ia berkaitan dengan sistem atau teknikal. Justeru, dalam memastikan adab kedua-dua pihak dapat dijaga, semua pihak harus berperanan dalam menjaga masa dalam PdP dalam talian ini bagi memastikan proses ini berjalan lancar (Umi Hafsa, 2018).

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
**Perhatian/ Tumpuan**

Memberi tumpuan dan perhatian juga penting dalam menentukan keberkesanannya suatu proses PdP. Namun begitu, tidak semua pihak boleh memberi tumpuan yang penuh dan berkesan terutama PdP yang dijalankan secara dalam talian. Hal ini berdasarkan kepada definisi yang menyatakan tumpuan itu adalah terhad kerana manusia hanya mampu tertumpu pada satu perkara dalam satu masa (Mohammad Aziz Shah, Mohamed Arip, Fauziah, Norhidayah, Khairiyah, Najwa Hananie & Wan Norhasniah, 2014). Banyak kajian yang dijalankan berkaitan kadar tumpuan seseorang menyatakan ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang berbeza. Dari seusia bayi, kanak-kanak, remaja dan dewasa hingga orang tua, tumpuan manusia terhadap sesuatu perkara banyak dipengaruhi usia, masalah, sekililing, psikologi dan sebagainya. Antara masalah berkaitan adab yang diperhatikan oleh penyelidik terhadap dua kursus iaitu Perbandingan Agama (HID3033) dan Pemikiran Islam Semasa (HIA 3033) mendapat terdapat beberapa keadaan yang mengganggu tumpuan pensyarah dan pelajar. Aspek yang paling ketara ialah tumpuan terhadap proses dan aspek teknikal PdP itu sendiri. Contohnya, pihak pensyarah dan pelajar akan terganggu jika sekiranya terdapat masalah seperti terputus talian, talian tersekat atau lambat, tiada suara atau gambar (audio visual), kehabisan data dan masalah teknikal yang lain. Keadaan ini telah menyebabkan proses PdP terganggu. Masalah tumpuan ini juga berlaku kerana proses dalam talian itu sendiri. Ramai pelajar terutamanya tidak memberi tumpuan penuh kepada proses PdP kerana beralih tumpuan kepada gajet atau media sosial. Ketika kuliah sedang dijalankan bersama pensyarah di komputer riba atau tablet, terdapat ramai pelajar memberi perhatian kepada gajet seperti telefon bimbit dengan melayari media sosial. Ini dapat diperhatikan oleh penyelidik apabila sering terdengar bunyi audio dari gajet pelajar ketika kuliah berlangsung.

Tumpuan terhadap PdP juga boleh terganggu disebabkan oleh faktor bekerja samada secara separuh atau sepenuh masa. Mungkin disebabkan kesan pandemik Covid-19 terhadap kehidupan dan ekonomi, terdapat segelintir pelajar yang memilih untuk bekerja secara sepenuh atau separuh masa ketika semester sedang berjalan. Sama ada mereka menjalankan pekerjaan tersebut secara fizikal atau secara dalam talian, pengkaji mendapati perkara ini banyak mempengaruhi tumpuan pelajar bukan sekadar kepada PdP itu sahaja, malah kepada kursus dan semester pembelajaran itu sendiri. Ini dapat dikenalpasti oleh pensyarah sendiri apabila bertanya atau bersoal jawab dengan pelajar terbabit. Ia juga dapat dikesan ketika proses PdP dijalankan di mana apabila pensyarah memanggil nama pelajar tertentu, didapati pelajar tidak bersama dalam sesi tersebut dan apabila disiasat, sebahagian mereka sedang bekerja pada waktu tersebut. Selain itu, keadaan persekitaran atau sekililing turut menyumbang kepada masalah adab memberi tumpuan ini. Ia boleh berlaku kepada kedua-dua pihak iaitu pensyarah dan pelajar. Contohnya, jika persekitaran di rumah pensyarah itu diganggu dengan bunyi bising anak-anak dan aktiviti di rumah yang boleh mengganggu proses PdP antara pensyarah dan pelajar. Begitu juga dengan pencemaran dan gangguan lain seperti bunyi kenderaan, kilang, haiwan, muzik dan lain-lain yang menyumbang kepada gangguan tumpuan PdP dalam talian semasa tempoh pandemik.

**Adab Pensyarah**

Guru merupakan personaliti yang paling penting dan berpengaruh dalam usaha menjayakan pencapaian matlamat dan tujuan pendidikan. Para guru khususnya guru Pendidikan Islam yang merupakan agen moral kepada para pelajar hendaklah mempamerkan nilai akhlak mulia dan memainkan peranan utama sebagai *murabbi* dan *muaddib* selain sebagai *mu'allim* dan

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions mudarris.** Ia adalah sebagaimana yang diharapkan iaitu: Kecemerlangan guru bergantung kepada keupayaan menghubung dan mempamerkan diri dalam mengamal adab di setiap ketika (Asmawati, 2007). Guru adalah aset yang sangat penting dalam dunia pendidikan, pensyarah atau guru mempunyai tugas yang sangat besar dalam melahirkan anak-anak bangsa yang berguna. Peribadi seorang pensyarah atau guru juga memainkan peranan yang sangat penting dalam dunia pendidikan, kerana pensyarah atau guru akan menjadi ikutan atau teladan bagi murid-murid atau pelajar (Kamarul Azmi, Noratikah & Mohd. Faeez, 2012).

Mohammad Khairi, Mohd Zailani, Fauziah, Alis, Muhamad Dzahir & Nur Fasihah (2016) dalam satu kajian di sebuah institusi pendidikan mendapati bahawa pihak pengurusan telah melakukan pengawalan yang tinggi bagi menangani masalah sosial, namun masalah sosial ini tetap berterusan walaupun ia tidak kritikal disebabkan faktor-faktor di luar kawalan pihak pengurusan. Sikap sebahagian pihak pentadbiran institusi-institusi pendidikan dan juga pengajar-pengajar yang hanya mementingkan kepada kecemerlangan akademik semata-mata haruslah diperbetulkan di mana aspek pembangunan insan dan penerapan nilai harus diberikan perhatian yang menyeluruh bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dan mempunyai sahsiah yang tinggi. Sehubungan itu masih ramai guru yang tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berlangsung. Mohd Anuar & Wan Suhaimi (2014) dalam kajian mereka mencadangkan 5 adab seorang pensyarah atau guru yang harus diperhatikan. Antaranya:

1. Sentiasa mengambil peluang untuk belajar dan beristiqamah dalamnya.
2. Berusaha untuk meningkatkan amalan.
3. Sentiasa bercakap berkaitan ilmu dan adabnya.
4. Sentiasa memberi perhatian dan motivasi kepada pelajar.
5. Sentiasa mendoakan dan menziarahi para guru.

Kelima-lima adab guru yang diketengahkan di sini merupakan hanya sebahagian daripada sejumlah adab yang banyak yang diperkatakan dalam tradisi pendidikan dalam Islam. Kesemua adab yang dikemukakan di sini merupakan adab yang amat diberi perhatian oleh ramai para ilmuwan agar tujuan pendidikan dapat dicapai oleh pelajar dengan sempurna. Cadangan ini diharapkan dapat menjelaskan ciri-ciri sebenar guru cemerlang yang boleh dijadikan panduan oleh mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan. Indeks kecemerlangan guru atau pensyarah sepatutnya melihat sejauh mana guru melazimi sejumlah adab yang telah dijelaskan oleh tokoh-tokoh pendidikan Islam yang terbukti kesarjanaan dan keunggulan mereka dalam mendidik para generasi terkemudian, seterusnya membentuk pelapis masa depan yang cemerlang akhlak serta akademik (Mohd Anuar & Wan Suhaimi, 2014).

### **Adab Pelajar**

Dalam situasi pembelajaran secara talian, perihal adab seakan terpinggir berikutan murid tidak berhadapan dengan guru secara realiti dan keduanya terpisah di tempat yang berbeza. Meskipun berada dalam situasi yang berlainan, adab terhadap guru tetap perlu dijaga sebagai jaminan murid meraih keberkatan dari ilmu yang disampaikan oleh guru. Memandangkan pandemik ini tidak dapat dipastikan bila akan berakhir, mungkin pembelajaran dalam talian terpaksa diteruskan untuk suatu jangka masa tertentu. Oleh yang demikian, timbul keperluan untuk menyediakan satu panduan adab bagi membimbing murid untuk mengamalkan adab yang selayaknya terhadap guru khasnya dalam konteks pembelajaran dalam talian berbentuk

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions segerak (Nur Farah Syahirah & Abdul Muhsien, 2021). Namun perlu diingatkan bahawa meskipun pembelajaran jarak jauh menerusi dalam talian terpaksa dilaksanakan, adab-adab bersama guru tetap perlu diraikan sebagaimana yang digariskan oleh tokoh besar seperti Imam al-Ghazali dalam kitabnya Bidayah al-Hidayah (<https://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/ini-antara-adab-pelajar-dengan-guru-ketika-dalam-talian-amalkan-1.936634>). Meskipun pembelajaran dalam talian ini tidak pernah berlaku pada masa Rasulullah SAW, para sahabat dan zaman Imam al-Ghazali sendiri, adab-adab ini tetap sesuai diamalkan. Dalam konteks adab pelajar ini, Nur Farah Syahirah & Abdul Muhsien (2021) mencadangkan kriteria adab berikut yang harus diamalkan oleh pelajar terhadap guru atau pensyarah terutama dalam keadaan pandemik dan PdP secara dalam talian:

1. Menjaga penampilan diri
2. Menepati masa
3. Menumpukan perhatian terhadap guru
4. Memberikan respon yang sewajarnya
5. Tidak malu untuk bertanya
6. Tidak melakukan urusan lain semasa guru sedang mengajar
7. Tidak meremehkan pengajaran guru
8. Berterima kasih dan mendoakan guru

## Kesimpulan

Adab terhadap guru adalah suatu hal yang sangat dititikberatkan oleh para penuntut ilmu dizaman silam. Namun di era serba moden dan maju ini, adab terhadap pendidik dilihat kian luntur dan seolah-olah diasingkan dari proses menuntut ilmu. Hakikatnya, adab dan ilmu adalah dua hal yang saling berkait dan perlu diselaraskan dalam usaha meraih keberkatan berpanjangan dari ilmu yang disampaikan oleh guru. Meskipun pandemik Covid-19 telah mengubah norma pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran maya, namun kedudukan dan kemuliaan pendidik sebagai penyampai ilmu tidak patut diubah sama sekali. Murid perlulah sentiasa memelihara dan mengamalkan adab yang baik terhadap pensyarah atau guru agar pelajar bukan sekadar memperoleh ilmu semata-mata, bahkan juga meraih keredhaan daripada guru. Artikel ini diharapkan dapat memberikan panduan dan pencerahan kepada para pelajar untuk memastikan kelangsungan adab diteruskan dalam proses menuntut ilmu. Bukan sahaja tertumpu kepada murid sekolah semata-mata, bahkan semua individu yang bergelar penuntut ilmu yang menggunakan medium dalam talian sebagai kaedah pembelajaran adalah disarankan untuk mengambil manfaat dari kertas kerja ini bagi melancarkan proses pembelajaran di samping mengekalkan hubungan dua hala yang baik dengan pemberi ilmu (Zakaria, Noraniza & Abdul Fatah, 2012).

## Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

## Bibliografi

Ahmad Jaenal Mustopa & Dasrun Hidayat (2020) Pengalaman Mahasiswa Saat Kelas Online Menggunakan Aplikasi Zoom Cloud Meeting Selama Covid-19. Jurnal Digital Media & Relationship. 2 (2)

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
Asmawati Suhid, (2007) Pengajaran Adab & Akhlak Islam dalam Membangunkan Modal

Insan. MALIM: Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara, 8:167-178.

[https://www.academia.edu/33223439/DEFINISI\\_PENDIDIKAN](https://www.academia.edu/33223439/DEFINISI_PENDIDIKAN). Diakses pada 15 Mei 2021.

<https://my.theasianparent.com/tahun-2021>. Diakses pada 15 Mei 2021.

<https://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/ini-antara-adab-pelajar-dengan-guru-ketika-dalam-talian-amalkan-1.936634>. Diakses pada 15 Mei 2021.

Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim & Mohd. Faez Ilias. (2012). Gaya pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. In: Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]), 8-9 March 2012, Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru. 211-223.

Kaplan, A. & Haenlein, M. (2010). Users of the World, Unite The Challenges and Opportunities of Social Media. Business Horizons. 53. 59-68. 10.1016/j.bushor.2009.09.003.

Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip Fauziah Mohd Sa'ad, Norhidayah Jaapar, Khairiyah Mohd Ali, Najwa Hananie Athdzar, Wan Norhasniah Wan Abd Rashid. (2014). Faktor, Kesan dan Strategi Menangani Permasalahan Kurang Tumpuan Pelajar Sekolah Menengah di dalam Kelas: Suatu Kajian Kualitatif. In : International Counseling Conference and Work, 13-15 Sep 2014, Medan.

Mohammad Khairi Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Fauziah Abdul Rahim, Alis Puteh Muhamad Dzahir Kasa & Nur Fasihah Roslan. (2016). Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan Dan Cabaran Dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar. Sains Humanika, 8 (4-2):9-16.

Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2014). Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf. TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World 7 (2014): 97-130.

Nur Farah Syahirah Nazim & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Adab Murid Terhadap Guru Menurut Ibn Jama'ah: Aplikasinya dalam Konteks Pembelajaran dalam Talian. Journal of Social Sciences and Humanities. 18 (1): 1-15.

Norliza Hussin. (2017). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. OJIE: Online Journal of Islamic Education, 1(2): 58-73.

Nor Musfirah Mohamad. (2021) Cabaran Pedagogi Norma Baharu di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) Ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid. Jurnal Pengajaran Islam, 14. Special Edition: 243-254.

Nur Khamsiah Adan. (2021). Tanggungjawab Menjaga Adab Menuntut Ilmu Semasa Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian (PDPDT). Prosiding dalam International Conference on Syariah & Law 2021(ICONSYAL 2021) Online Conference 6 th APRIL 2021.

Rohaida Nordin. (2013). Pendidikan Hak Asasi Manusia: Merangka Kurikulum dalam Konteks Malaysia. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, 25 (2): 273-284.

'Umar, Ahmad Mukhtar. (2008). Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah. Beirut: 'Alim al-Kutub.

Umi Hafsa. (2018). Etika dan Adab Menuntut Ilmu dalam Kitab Ta'līm al-Muta'allim. Journal of Islamic Education, 3 (1): 4455.

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin. (2012). Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunnah serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, Special Edition. 7-22.

Zawiah Bahrom. (2020). Pedagogi Norma Baharu: Cabaran dan Hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, Jilid III: 74-85.